

Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 44 (2) (December 2017): 51-72
@ History, Politics & Securities Research Centre, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

RAVICHANDRAN Moorthy
KAVARAMMA Subramaniam
Universiti Kebangsaan Malaysia

PEMIKIRAN STRATEGIK DASAR LUAR INDIA: DARI DASAR PANDANG TIMUR KE DASAR TINDAK TIMUR

INDIAN FOREIGN POLICY STRATEGIC THINKING: FROM LOOK EAST TO ACT EAST POLICY

Kebangkitan India sebagai kuasa ekonomi dan langkah strategik untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi telah membawa kepada perubahan dasar luar India daripada Look East Policy (Dasar Pandang Timur) kepada Act East Policy (Dasar Tindak Timur). Dasar baru inidilihat sebagai satu pendekatan yang diambil oleh India untuk menghadapi perubahan senario global. Dasar Tindak Timurmembri tumpuan kepadapembinaan strategi bagi pertumbuhan ekonomi, politik, keselamatan dan pertahanan India, melalui pelanjutan hubungan baik dengan negara -negara di Asia Tenggara dan Asia Timur. Mulai 2014, pimpinan Narendra Modi telah memperkenalkan Dasar Tindak Timuryang dilihat sebagai satu pendekatan India untuk mencapai kepentingan ekonomi dan geostrategik. Walaupun kedua-dua dasar ini menjurus kepada hubungan dengan negara-negara di bahagian timur India, di Asia Tenggara dan Asia Timur, namun kedua-dua dasar ini menampakkan beberapa perbezaan dan persamaan. Artikel ini, menjawab persoalan samada Dasar Tindak Timurini merupakan satu polisi baru India ataupun kesinambungan daripada polisi sedia ada iaitu Dasar Pandang Timur. Ataupun, polisi baru ini hanya merupakan retorik politik semata-mata.

Kata kunci: *Dasar Tindak Timur, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar luar, India, Pemikiran strategik, Kepentingan nasional.*

The rise of India as an economic power and the strategic measures to sustain economic growth has led to a transformation in India's foreign policy from the Look East Policy to the Act East Policy. This new policy is seen as an approach taken by India to deal with the changing global scenario. Act East Policy focuses on building a strategy for the growth of economy, politics, security and defense of India, through the extension of relations with the countries of Southeast Asia and in East Asia. In2014, Prime Minister Narendra Modi introduced the Act East Policy, aimed to achieve India's economic and geo-strategic interests. Although both of these policies lead to better relations

with the countries in the eastern part of India, namely in Southeast Asia and East Asia, these policies appear to bear some differences and similarities. This article, will answer the question whether the Act East Policy is a new policy of India or the continuation of the existing Look East Policy, or is it a mere political rhetoric of the new administration.

Keywords: *Look East Policy, Act East Policy, Foreign policy, India, Strategic thinking, National interests.*

Pendahuluan

Sejak kemerdekaan daripada Britain pada tahun 1947, India telah mempunyai aspirasi bagi menjadi sebuah negara yang gemilang, khususnya demi mengembalikan status India sebagai salah satu kuasa besar dunia.¹ Bagi merealisasikan aspirasi ini, India telah menjalankan dasar luar yang pragmatik, dengan menjalin hubungan diplomatik yang rapat dengan negara-negara Barat, serta hubungan strategik dengan sekutu Perang Dingin, khususnya dengan Rusia. Hubungan India dengan negara-negara di Timur, khususnya dengan Asia Tenggara, tidaklah menyerlah kerana India banyak dibelengui konflik dengan Pakistan sejak kemerdekaannya. Walaupun mempunyai kecenderungan pro-Soviet, India telah menyokong gerakan kemerdekaan di negara-negara di Asia Tenggara dan mengetuai gerakan negara-negara berkecuali (*non-alignment*) di Asia.

Sejak tahun 1947, kemiskinan menjadi permasalahan utama di India, sehingga ianya telah dilabelkan sebagai negara miskin dan lemah. Pada awal tempoh pasca kemerdekaan, India telah dibayangi dengan fahaman sosialisme. India telah mempraktikkan model pembangunan yang dikenali “Nehruvian” yang diasaskan oleh Perdana Menteri Pertama India, Jawaharlal Nehru pada tahun 1951 dan model ini juga digunakan sehingga tahun 1991. Model pembangunan ini meletakkan sistem ekonomi yang berpusat pada pemerintah yang mana model ini selari dengan fahaman sosialisme.² Model yang bercorak ketidakterbukaan ekonomi ini nyata tidak mencapai hasil yang positif – ekonomi India tidak kompetatif. Tambahan lagi, sikap berkecuali yang diamalkan oleh India dalam hal-ehwal geopolitik telah menyebabkan India terpinggir ketika ekonomi rantau Asia Pasifik mula meningkat. Sebagai contohnya, pada sekitar tahun 1990-an, ekonomi China mula memecut ke hadapan akibat reformasi ekonomi yang dilakukan oleh negara tersebut tetapi India masih dalam kemunduran walaupun India mempunyai kelebihan yang sama seperti China iaitu jumlah populasi penduduk yang tinggi.³

Namun, mulai tahun 1991, liberalisasi ekonomi yang berlaku semasa pemerintahan mantan Perdana Menteri P.V. Narasimha Rao, ekonomi India telah mengubah wajah. India kini menjadi salah sebuah negara yang paling pesat berkembang di dunia, turut menambahkan pengaruhnya di peringkat serantau dan antarabangsa. Perubahan daripada konsep ekonomi bersifat sosialisme kepada amalan kapitalisme telah dapat merangsang pertumbuhan

ekonomi yang tinggi dan perdagangan serta pengaliran masuk modal asing ke India.⁴ Kepesatan ekonomi India turut diiringi dengan Polisi Pandang ke Timur atau lebih dikenali Dasar Pandang Timur yang diperkenalkan semasa pemerintahan P.V. Narasimha Rao. Polisi ini dilihat sebagai kebangkitan semula minat India kepada interaksi pelbagai dimensi dengan rantau Asia Tenggara. Dasar Pandang Timur merupakan program reformasi yang dijalankan oleh India untuk menjalinkan hubungan ekonomi dan strategik yang luas dengan negara-negara di Asia Tenggara dan Asia Timur.⁵ Polisi ini telah diteruskan oleh pengganti P.V. Narasimha Rao iaitu Atal Bihari Vajpayee dan seterusnya Dr. Manmohan Singh.

Selepas pilihanraya 2014, India dipimpin oleh Narendra Modi. Dalam era pentadbiran Narendra Modi, beliau memperkenalkan Dasar Tindak Timur untuk menggantikan Dasar Pandang Timur.⁶ Sejak Narendra Modi mengambil alih sebagai Perdana Menteri India pada Mei 2014, beliau telah menjadikan dasar luar sebagai asas utama kepada pentadbiran beliau. Dalam tempoh masa dua tahun beliau telah melawat 38 negara, dan mempamerkan ketinggian dan kewarasan diplomasi India di mata dunia. Majlis angkat sumpah Modi telah dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dari negara jiran India. Dalam tempoh dua tahun, beliau telah bertemu dengan mantan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama sebanyak tujuh kali, bahkan Obama menjadi tetamu utama pada sambutan Hari Republik India. Beliau juga telah bertemu dengan Presiden China, Xi Jinping sebanyak tujuh kali dan telah bertemu Presiden Rusia Vladimir Putin sekurang-kurangnya empat kali. Menurut Modi, dasar luar bukanlah berkenaan perubahan cara berfikir tetapi proses mencari titik pertemuan untuk kepentingan bersama. India perlu menerima hakikat bahawa dunia *bipolar* telah berakhir, negara-negara kini saling bergantung antara satu sama lain.⁷

Melalui Dasar Tindak Timur, Modi berpendapat bahawa India perlu bertindak lebih pragmatik dan progresif dalam mencapai pembangunan ekonominya kerana India telah menghadapi persaingan hebat daripada China dan negara-negara lain. Kepesatan ekonomi telah menjadikan China sebagai satu kuasa besar yang digeruni di rantau Asia.⁸ Dasar ini digubal untuk memastikan kedudukan dan kelangsungan India di rantau Asia dan untuk menjalinkan kerjasama dalam pelbagai sektor dengan negara-negara jiran terutamanya di Asia Tenggara dan Asia Timur. Tambahan lagi, kerjasama diplomasi ketenteraan terutamanya dalam bidang keselamatan maritim diberi penekanan dalam Dasar Tindak Timur.

Pada asasnya kedua-dua dasar menampakkan beberapa perbezaan dan persamaan. Dalam artikel ini, penulis cuba menjawab persoalan samada Dasar Tindak Timurni merupakan satu polisi baru India ataupun kesinambungan daripada polisi sedia ada iaitu Dasar Pandang Timur. Ataupun, pengumuman polisi baru ini hanya merupakan retorik politik semata-mata. Sehubungan itu, penulis mengkaji ciri-ciri dan fokus utama Dasar Tindak Timurberbanding Dasar Pandang Timur. Walaupun pertumbuhan ekonomi merupakan pertimbangan utama dalam kedua-dua dasar luar ini, namun terdapat agenda-agenda lain yang turut difokuskan dalam Dasar Tindak Timur,

yang diujahkan dalam artikel ini. Antaranya adalah kerjasama keselamatan maritim dan pertahanan yang lebih nyata dalam Dasar Tindak Timur.

Dasar Pandang Timur India (*India's Look East Policy*)

Pada sekitar tahun 1940-an sehingga 1970-an, banyak negara-negara Asia Tenggara masih berada dalam keadaan lemah kerana baru mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua. Pada waktu itu, India tidak begitu mementingkan keperluan untuk menjalinkan hubungan bilateral dengan negara-negara Asia Tenggara. Namun, senario ini berubah selepas berakhirnya Perang Dingin dengan kejatuhan Kesatuan Soviet pada tahun 1989. Negara India mula melihat kepentingan untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara di Asia Tenggara dan Asia yang mengalami perubahan ekonomi yang positif. India kehilangan rakan strategiknya iaitu Kesatuan Soviet yang selama ini menjadi rakan perdagangan. Kesatuan Soviet adalah rakan dagang India yang terbesar yang mana India mengeksport barang makanan dan ubat-ubatan. Manakala, Kesatuan Soviet pula mengeksport barangan jentera, minyak mentah dan peralatan pertahanan. Kejatuhan Kesatuan Soviet telah menyebabkan ekonomi India gagal menjana pendapatan. Keadaan ini diterangkan oleh Raja Mohan (2012) dalam *India's Foreign Policy Transformation* seperti berikut:

“The Cold War’s end made it exceedingly difficult for India to continue with its policies of non-alignment and Third World solidarity. Yet structure alone cannot fully explain the changes that came about. Unless key individuals at critical junctures had chosen to undertake different pathways and seize opportune moments, India would have faced the distinct possibility of marginalization in the emergent global order” (Raja Mohan 2012)

Ini ditambahkan lagi dengan krisis minyak mentah akibat Perang Teluk yang berlaku pada tahun 1991. Sehubungan itu, India memahami keperluan untuk negara tersebut meningkatkan profil ekonomi serta diplomasinya dengan negara-negara lain. Maka, India telah mengambil inisiatif untuk menjalinkan hubungan kerjasama dan ini mendorong India menggubal dasar dan polisi yang mengambil kira kepentingan negara-negara serantau terutamanya negara-negara Asia Tenggara. Pada waktu itu, negara-negara seperti Singapura, Malaysia dan Thailand yang dikenali sebagai *“East Asian Tiger Economies”* sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat memberangsangkan. Sehubungan itu, satu polisi baru yang dikenali Dasar Pandang Timur telah diperkenalkan hasil daripada reformasi tersebut.

Sree Kumar (2004) telah menyatakan bahawa Dasar Pandang Timur adalah satu pendekatan bijak yang diambil oleh India untuk menghadapi perubahan senario global selepas Perang Dingin. Kejatuhan Kesatuan Soviet telah menjadi asas kukuh bagi reformasi dasar luar India menyebabkan India terpaksa mencari lokasi atau rantau alternatif untuk menjalinkan kerjasama ekonomi. Beliau juga menyatakan bahawa di sudut lain pula, negara-negara

yang berada dalam rantau Asia Tenggara sedang mengalami pertumbuhan dalam pembangunan ekonominya. Maka India melihat negara-negara Asia Tenggara berpotensi dalam pertumbuhan ekonomi dan menguntungkan lalu ia menjadi pilihan pertama India dalam mengembangkan jaringan kerjasama ekonominya. Selain Asia Tenggara, Dasar Pandang Timurturut memperkukuhkan hubungan India dengan negara-negara di Asia Timur dan Asia Pasifik.

Sehingga tahun 1990-an, dunia masih memandangi India sebagai sebuah negara miskin dengan populasi penduduk kedua terbesar di dunia iaitu seramai 1.28 bilion. Mulai tahun 1991, kebanyakan negara di Asia (termasuk India) turut mengalami krisis ekonomi yang amat serius. Pada waktu itu, International Monetary Funds (IMF) telah menawarkan bantuan untuk memulihkan keadaan ekonomi India. IMF bersedia membantu India dengan syarat India perlu setuju untuk membuat beberapa agenda reformasi di bidang ekonomi. Melalui bantuan IMF, India melaksanakan *Structural Adjustment Programs*. Ini telah membuka ruang kepada syarikat-syarikat multinasional (MNC) untuk masuk ke pasaran India. Program ini juga mengintegrasikan negara miskin ini ke dalam sistem ekonomi global. Ini menunjukkan mulanya reformasi ekonomi India selepas tahun 1991 melalui liberalisasi ekonomi India (Sundaram 2013).

Pentadbiran Narasimha Rao, Atal Bihari Vajpayee dan Manmohan Singh terus mempromosikan reformasi ekonomi India melalui strategi Dasar Pandang Timur, iaitu dengan mengubah pola pembangunan ekonomi India yang berbentuk pasif dan tertutup menjadi lebih terbuka dan aktif dalam membangunkan hubungan dengan negara-negara asing. Dasar Pandang Timurmiliki agenda yang cukup luas, khususnya dalam merancang ekonomi India untuk terus berkembang di peringkat global. Menurut Amith Baruah (2000) terdapat tiga tujuan utama dalam pembentukan Dasar Pandang Timur, iaitu (i) mereformasi dan meliberalisasikan ekonomi India – bertujuan untuk membantu India bersaing dalam pasaran global dengan mengembangkan ekonomi India; (ii) mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan dan kerjasama ekonomi daripada negara-negara lain; dan (iii) membentuk rantau ekonomi (*economic region*) dengan negara-negara yang berada di kawasan Asia terutamanya Asia Tenggara. India berpendapat bahawa rantau Asia merupakan pasaran perdagangan terbesar di dunia dan adalah penting bagi India untuk menjalinkan hubungan ekonomi dengan negara-negara di rantau ini.

Dasar Pandang Timur telah menjadikan ekonomi India semakin berintegrasi dengan dunia global. Peningkatan ekonomi tersebut terus ditunjukkan dengan adanya perbandingan pertumbuhan ekonomi yang hanya 3.5% pada tahun 1960-1980-an telah menjadi 6% selepas reformasi ekonomi pada tahun 1991. Fasa pertama Dasar Pandang Timurdari tahun 1991 sehingga 2003 telah fokuskan kepada kerjasama perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara di Asia Tenggara. Fasa kedua pula melibatkan kerjasama dengan ASEAN-India yang lebih komprehensif di mana program kerjasama yang melibatkan sains dan teknologi, pembangunan sumber manusia, pengangkutan dan infrastruktur serta kesihatan dan farmaseutikal. India telah menandatangani

kerjasama jangka panjang untuk keamanan dan kemakmuran “*Long Term Cooperative Partnership for Peace and Prosperity*” dengan ASEAN. India juga menandatangani Perjanjian Bebas ASEAN-India (*ASEAN-India Free Trade Agreements*) pada Ogos 2009 (Bhattacharyya & Mandal 2014).

Melalui Dasar Pandang Timur, India telah berusaha untuk mewujudkan kerjasama dengan organisasi serantau seperti ASEAN, EAS, Bay of Bengal Initiative for Multi-Sectoral Technical and Economic Cooperation (BIMSTEC) dan The Mekong-Ganga Cooperation (MGC). Bentuk kerjasama ini telah menguatkan lagi hubungan bilateral India dengan negara-negara yang terletak di kawasan Asia Selatan dan Asia Tenggara. India telah menjadi rakan dialog ASEAN pada tahun 1992 dan kemudian menjadi rakan dialog penuh pada tahun 1995. Seterusnya menjadi anggota ASEAN Regional Forum (ARF) pada tahun 1996. Pelaksanaan India-ASEAN Summit yang pertama yang diadakan pada 5 November 2002 di Phnom Penh, Kemboja merupakan antara langkah permulaan yang signifikan bagi India dalam memainkan peranannya secara mendalam dengan negara-negara ASEAN. Hasil daripada persepakatan tersebut beberapa kerjasama telah diadakan di antara India dengan ASEAN antaranya ialah “*Framework Agreement on Comprehensive Economic Cooperation Between ASEAN and India*” yang ditandatangani oleh para pemimpin negara ASEAN dan Perdana Menteri Atal Bihari Vajpayee pada tahun 2003 (Morarji 2012).

Selain itu, terbentuk pula mekanisme pertemuan, India-ASEAN Business Summit yang diadakan pada tahun 2002 di New Delhi dengan tujuan supaya forum ini dapat memperluaskan jaringan kerjasama dan komunikasi. Komitmen positif yang berterusan antara India-ASEAN ditambahkan lagi dengan persetujuan membentuk kawasan perdagangan bebas (*Free Trade Area-FTA*) antara India-ASEAN. Pada masa yang sama, negara-negara ASEAN turut menyedari kepentingan kedudukan India sebagai satu kuasa yang bangkit di rantau Asia. Selain itu, kerjasama ekonomi antara India dan negara-negara ASEAN juga menunjukkan perkembangan positif sejak Dasar Pandang Timur diperkenalkan pada tahun 1991 (Chandrima Sikdar & Biswajit Nag 2011).

Pendekatan ekonomi India terhadap ASEAN telah menyebabkan hubungan India-ASEAN telah berkembang dengan baik dan ini menyebabkan kerjasama baru dalam bidang lain seperti keselamatan, politik, pembangunan infrastruktur (jaringan fizikal melalui pembinaan jalan dan landasan keretapi) (Hoakip 2011). Hasil daripada kerjasama tersebut, India telah membina *Indo-Myanmar Friendship Road* sepanjang 165 kilometer yang menghubungkan Utara Myanmar dengan lebuh raya utama India yang dikenali *National Highway 39*. Selain itu, India juga terlibat dalam pembinaan infrastruktur iaitu lebuh raya yang menghubungkan India-Myanmar-Thailand, *Trans Asian Highway*, jaringan keretapi India-Myanmar dan saluran paip gas Myanmar-India-Bangladesh. Selain daripada sektor ekonomi, hubungan kerjasama India-ASEAN juga berterusan dalam bidang keselamatan (Acharya 2001). Antara kerjasama yang diadakan dalam bidang keselamatan ialah (i) *ASEAN-India Joint Declaration for Cooperation to Combat International Terrorism* (2003) (ii) *Treaty of Amity and Cooperation* (TAC) (2003) (iii) *ASEAN-*

India Partnership For Peace, Progress and Shared Prosperity (2004) dan (iv) *Plan of Action to Implement the ASEAN –India Partnership for Peace, Progress and Shared Prosperity*.

Selain itu, India turut melihat kepentingan terlibat dalam satu kumpulan sub-serantau yang dikenali *Bay of Bengal Initiative for Multi Sectoral Technical and Economic Cooperation* (BIMSTEC) yang dianggotai Bangladesh, Bhutan, India, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Thailand. Bagi India, mekanisme kerjasama BIMSTEC adalah pintu masuk untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan Myanmar serta Thailand. Teluk Bengal merupakan sebuah teluk yang besar yang membentuk bahagian timur laut Lautan Hindi, dan bersempadan dengan India, Sri Lanka, Bhutan, Bangladesh, Myanmar, Thailand, Kepulauan Andaman dan Nicobar di timurnya. Kedudukan Teluk Bengal ini mempunyai kesan geopolitik dan geo-ekonomi yang besar, khususnya terhadap keselamatan maritim. Bagi India, Teluk Bengal sangat penting daripada aspek sumber air, pertanian, ekonomi, keselamatan maritim. Memahami potensi strategik Teluk Bengal, India telah mengadakan jaringan kerjasama dengan organisasi sub-regional ini. (BIMSTEC 2016). BIMSTEC telah membentuk kawasan perdagangan bebas yang disebut BIMSTEC-Free Trade Area yang mana nilai perdagangan India dengan negara anggota BIMSTEC mencapai 3% secara keseluruhan. Peningkatan perdagangan tersebut dapat dilihat pada tahun 2007 yang mana jumlah eksportnya telah mencapai USD7.8 juta dan pada tahun 2013 ia terus meningkat menjadi USD19 juta (Rajiv Rajan 2016).

Di samping itu, India telah membentuk forum kerjasama Mekong-Ganga Cooperation Initiative (MGCI) pada 10 November 2000, di Vientiane, Laos. MGCI adalah salah satu usaha India untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara ASEAN di tanah besar Asia Tenggara, khususnya negara Cambodia, Laos, Myanmar and Vietnam. MGCI merupakan satu lagi kerjasama penting organisasi sub-serantau bagi India. Organisasi ini memberi peluang kepada India untuk bekerjasama dengan negara-negara “Greater Mekong Subregion”. Sungai Gangga (The Ganges) dan Mekong adalah dua sungai terbesar di Asia. MGCI memberi tumpuan dalam empat sektor iaitu pelancongan, kebudayaan, pendidikan, pengangkutan dan komunikasi. Dalam sektor pendidikan, India telah menawarkan seratus biasiswa pada tahun 2003 dan 300 fellowship dalam sektor teknologi maklumat (IT). Di samping itu, India juga menaja kursus Bahasa Inggeris (Swaran Singh 2007). Sektor pengangkutan diberi keutamaan dalam projek ini dan tujuannya adalah untuk membangunkan rangkaian pengangkutan termasuk Koridor Timur-Barat dan Highway ASEAN. Teras asas MGCI adalah untuk menjalinkan pembangunan ekonomi rantau Mekong dengan membangunkan kemudahan infrastruktur. Bagi India, MGCI menawarkan skop yang besar dengan mewujudkan hubungan baik dengan negara-negara sekitar sungai Mekong. Secara tidak langsung ia akan menyediakan akses strategik untuk memasuki kawasan tengah Asia Tenggara. Ini akan membantu pertumbuhan ekonomi India dan membuka peluang untuk pelaburan di rantau ini (Julien Levesque 2007).

Namun, ada juga program-program yang dijalankan di bawah kerjasama ini berjalan agak perlahan. Sebagai contohnya, The Hanoi Program

of Action yang diperkenalkan pada tahun 2001 telah mengambil selama enam tahun untuk dilaksanakan. Selain itu, India juga menunjukkan minat untuk menyertai Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) atau Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik seawal tahun 1991 walaupun pada waktu kini, India belum lagi menjadi ahli APEC. Pemimpin-pemimpin negara APEC masih belum sebulat suara menerima India menjadi ahli APEC dan antara sebab adalah negara-negara barat risau sekiranya India dibenarkan menganggotai APEC imbangan kuasa di dalam forum tersebut akan lebih kepada Asia. India menyedari keperluan menjadi anggota dalam APEC kerana dengan ini India boleh mempercepatkan proses liberalisasi perdagangannya sehingga rantau Asia Pasifik.

Dasar Tindak Timur India (*India's Act East Policy*)

Kerajaan yang diterajui Narendra Modi yang berkuatkuasa pada tahun 2014 masih memberi keutamaan kepada Dasar Pandang Timuryang diperkenalkan semasa era kepimpinan Narashima Rao. Dalam kenyataan perasmian pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12, Modi telah menekankan kepentingan blok ASEAN yang dianggotai 10 negara dalam era baru ekonomi iaitu pembangunan, perdagangan, pelaburan dan perindustrian. Ia memberi isyarat kepada dunia bahawa India bukanlah semata-mata "*Looking East*" tetapi kini "*Acting East*" dan dengan itu, India telah menyemak semula polisinya daripada Dasar Pandang Timur kepada Dasar Tindak Timur. Tetapi kali ini, hubungan kerjasama India dalam pelbagai bidang bukan sahaja tertumpu kepada Asia Selatan dan Asia Tenggara malah diperluaskan kepada Asia Timur dan juga Australia. Modi dilihat sebagai seorang pragmatik dan dipercayai mampu mengubah India kepada "*serious strategic player*" (Rajendram 2014). Sehubungan itu, beliau rasa perlu ada satu polisi yang boleh menjurus pembangunan mampan India dan polisi tersebut perlunya selaras dengan keperluan semasa. Berikut adalah kenyataan Modi yang dinyatakan dalam *The Indian Express* (2014) berhubung pembentukan Dasar Tindak Timur sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 pada tahun 2014:

...the intensity and the momentum with which we have enhanced our engagement in the East, is a reflection of the priority that we give to this region... A new era of economic development, industrialization and trade has begun in India. Externally, India's 'Look East Policy' has become 'Act East Policy'... (The Indian Express 2014)

Pada dasarnya, kandungan Dasar Tindak Timur ini adalah selari dengan Dasar Pandang Timur dan ia adalah satu langkah ke hadapan dan menggalakkan peranan proaktif India terhadap semangat kejiranan timur. Asasnya masih mengutamakan pertumbuhan ekonomi dengan memberi tumpuan untuk membina strategi bagi membangunkan ekonomi India dengan pelanjutan hubungan ekonomi dengan negara-negara di Asia Tenggara dan Asia Timur. Selain itu, kerajaan sebelum ini tidak begitu memfokuskan keselamatan

maritim India sebagai salah satu agenda utama dalam Dasar Pandang Timur, akan tetapi dalam Dasar Tindak Timur, keselamatan maritim terutamanya di Lautan Hindi (*Indian Ocean*) dan keperluan untuk memperluaskan kerjasama pertahanan India dengan negara-negara Asia yang lain telah menjadi salah satu objektif polisi tersebut (Suba Chandran 2014). Pada masa yang sama, hal-hal berkaitan keselamatan geopolitik India di rantau Asia juga dititikberatkan dalam polisi ini. Ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha negara tersebut untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai salah sebuah kuasa besar bagi rantau ini dan seterusnya sebuah kuasa yang menyeimbangkan kuasa China (*balance of power*) di rantau Asia Pasifik.

Menurut sarjana Dr. A. Sundaram (2013), India melalui Dasar Pandang Timur telah berusaha mengukuhkan ekonomi, politik dan keselamatan dengan seluruh Asia dalam dua dekad ini namun dalam usaha untuk menangani dengan kegawatan kewangan global dan juga keperluan kini, India perlu menjadi lebih mahir dan berterusan dalam memperkukuhkan hubungannya dengan negara lain di Asia iaitu bukan sahaja Asia Tenggara malah Asia Timur juga perlu diutamakan. Ini akan mengukuhkan kapasiti untuk memenuhi cabaran pembangunan negara. Dalam usaha menyempurnakan tugas ini, India perlu membangunkan kepakaran jauh lebih besar dalam geo-ekonominya dengan mempunyai sumber dana yang mencukupi. Pada masa yang sama, India juga perlu mencari sumber (*resources*) untuk pembangunannya. Sehubungan itu, India memerlukan satu dasar yang lebih pragmatik dan berwawasan untuk mencapainya (Mahapatra 2014). Kerajaan Modi menganggap pelaksanaan polisi barunya iaitu Dasar Tindak Timur mampu membangunkan India sebagai sebuah negara yang maju dan juga kuasa yang disegani di rantau Asia.

Menurut Modi, rantau Asia mempunyai banyak persamaan berbanding perbezaan. Rantau ini berkongsi nilai-nilai budaya, agama, dan mempunyai peratus kolektif besar daripada jumlah penduduk global dengan demografi yang sama. Persamaan ini mendorong India bekerjasama dengan negara-negara di rantau Asia. Polisi barunya iaitu Dasar Tindak Timurtelah diperkenalkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Myanmar pada November 2014. Dalam konteks ASEAN-India pula, Modi mempercayai polisi Dasar Tindak Timur mampu mengukuhkan hubungan ASEAN-India. Modi dalam Sidang Kemuncak East Asia Summit (EAS) pada tahun 2014 juga pernah menerangkan keperluan kerjasama India dengan forum-forum multilateral, seperti berikut (The Hindu 2014):

“No other forum brings together such a large collective weight of global population, youth, economy and military strength. Nor is any other forum so critical for peace, stability and prosperity in Asia-Pacific and the world”. (The Hindu 2014)

Jalinan ini dikukuhkan lagi dengan *ASEAN-India Trade in Services and Investment Agreement* yang memperlengkapkan lagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-India. ASEAN- India berhasrat untuk meningkatkan perdagangan dari USD76 bilion pada tahun 2013 kepada USD100 bilion pada

tahun 2015 dan USD200 bilion menjelang 2022. Jadual di bawah menunjukkan peratus pertumbuhan perdagangan di antara negara-negara ASEAN, India dan China bagi tahun 2013 dan 2014. *Trade Intensity Index* antara ASEAN dengan India dan China adalah sekitar 0.09-0.10 iaitu jumlah perdagangan antara kedua-dua negara tersebut menunjukkan signifikansi yang besar. Jumlah perdagangan ASEAN-China adalah sebanyak USD328.6 bilion dan ASEAN-India adalah sebanyak USD68.5 bilion bagi tahun 2014.

Pertumbuhan Perdagangan Negara-Negara ASEAN, India Dan China.

Pertumbuhan Perdagangan (%)	India		China	
	2013	2014	2013	2014
ASEAN	-2.92	-0.29	10.19	6.93
Brunei Darussalam	-2.49	27.70	14.77	7.29
Cambodia	-10.23	82.61	40.02	23.11
Indonesia	1.15	-4.67	2.75	-8.05
Laos	-4.11	-18.20	61.97	28.82
Malaysia	0.42	3.40	10.09	-1.43
Myanmar	9.65	12.10	43.30	130.06
The Philippines	-0.05	26.12	14.31	21.17
Singapore	-14.58	-4.85	10.76	3.93
Thailand	-2.97	0.04	0.58	-1.63
Vietnam	32.80	6.81	21.95	17.05

Sumber: *Asian Development Bank & Asia Regional Integration Centre, 2016*

Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, enam daripada sepuluh negara ASEAN iaitu Thailand, Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Kemboja dan Filipina mencatatkan jumlah pertumbuhan perdagangan yang agak lebih baik dengan India berbanding dengan China. Selain itu, Laos juga mempunyai pertumbuhan import yang lebih tinggi dengan India berbanding dengan China bagi tahun 2014. Ini menunjukkan India mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi walaupun nilai peratusnya lebih kecil daripada China. Sehubungan itu, boleh dikatakan Dasar Tindak Timur ini membantu membangunkan ekonomi India melalui kerjasama ASEAN-India dalam sektor perdagangan dan pelaburan. Sushma Swaraj (2014) dalam Mesyuarat India-ASEAN Ke-12 pernah menyatakan keinginan India untuk meluaskan skop perdagangan –*India would soon draft a five-year action plan starting 2016 for enhancing connectivity and cooperation in diverse areas* (The Hindu, 12 November 2014).

Tambahan lagi, Dasar Tindak Timur tidak semata-mata terhad kepada ASEAN. Kemajuan ekonomi menjadi keutamaan dalam Kerajaan Modi. Slogan yang diperkenalkan oleh Modi iaitu “*Come Make in India*” menunjukkan Kerajaan Modi memberi keutamaan dalam bidang perindustrian dan pembuatan. Beliau mencontohi model ekonomi negara China dan juga berminat untuk menjadikan India sebagai hab pembuatan. Ini memerlukan modal dan teknologi dari negara maju. Selaras dengan keperluan ekonomi ini, Modi turut memberi keutamaan selain daripada negara-negara Asia Tenggara

iaitu Jepun, China, Australia dan juga Amerika Syarikat.

Hubungan India-Jepun kini memasuki satu fasa penting dalam Dasar Tindak Timur yang berpotensi melonjakkan kerjasama pelbagai bidang dan juga mencorakkan hubungan kedua-dua negara. Lawatan Perdana Menteri India Narendra Modi ke Jepun pada tahun 2014 dan bertemu rakan sejawatnya Shinzo Abe telah menunjukkan tanda-tanda jelas bahawa New Delhi dan Tokyo bersungguh-sungguh dalam meningkatkan hubungannya. Jepun bersetuju untuk melabur sebanyak USD34 bilion dalam projek infrastruktur India selama lima tahun. India-Jepun melalui “*Special Strategic Global Partnership*” telah menandatangani beberapa projek seperti *Kyoto-Varanasi Sister City Agreement*, *Delhi-Mumbai Industrial Corridor* yang melibatkan pelaburan Jepun sebanyak USD4.5 bilion serta kerjasama Jepun untuk meminjamkan teknologinya dalam membangunkan infrastruktur India (Kojima 2014).

Selain itu, kedua-dua negara juga telah mencapai persetujuan melibatkan diplomasi ketenteraan dan perdagangan. Dari segi diplomasi ketenteraan pula, Jepun dan India mengadakan Latihan Malabar di luar pantai Jepun pada Jun 2014 dengan turut melibatkan Amerika Syarikat. Latihan Malabar buat pertama kali diadakan pada 2007 di Laut Bengal yang melibatkan Amerika Syarikat, India, Australia, Jepun dan Singapura pernah mengundang kemarahan China. Sehubungan itu, Jepun telah menghadkan penglibatan sejak itu tetapi polisi baru ini telah menyaksikan perubahan ini. Bagi India dan Jepun, hubungan Modi-Abe ini menyediakan peluang terbaik peningkatan kerjasama kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, Modi masih menyedari kepentingan hubungan China yang kelihatan akan terus bangkit dari segi ekonomi, politik dan ketenteraan pada masa akan datang.

Tetapi, mungkin situasi kini melihat hubungan ekonomi India-China mengalami perkembangan positif. Di bawah pentadbiran Modi, hubungan ekonomi kedua-dua negara dilihat bertambah baik berbanding sebelum ini. Sarjana Satu Limaye (2015 & 2016) telah menyatakan bahawa semasa kunjungan rasmi Presiden China, Xi Jinping ke India pada September 2014, beliau berjanji untuk melabur USD20 bilion bagi lima tahun akan datang. China akan membina dua kawasan perindustrian di Gujarat dan Maharashtra dengan pelaburan sebanyak USD6.8 bilion. Ini menunjukkan diplomasi ekonomi menjadi medium yang penting dalam menjalinkan hubungan baik dengan negara-negara jirannya di bawah Modi. China adalah rakan dagang terbesar India yang mana perdagangannya mencapai USD100 bilion bagi tahun 2015 yang mana jumlah ini meningkat dari tahun 2012 iaitu sebanyak USD66 bilion. China juga berminat untuk membina infrastruktur kereta api laju (*bullet train*) dari Delhi ke Chennai dan perjanjian antara Guangzhou dan Ahmedabad atau dikenali “*A Sister City Agreement*” juga telah ditandatangani. Selain hubungan bilateral, India turut mengadakan kerjasama ekonomi dengan China melalui forum multilateral *Brazil, Russia, India, China and South Africa* (BRICS).

Walaupun kehadiran Presiden China disambut baik oleh Kerajaan Modi tetapi masih ada pihak yang mengatakan India perlu ada pendirian tegas dalam konflik penuntutan wilayah dengan China kerana sehingga kini kedua-

dua negara masih tidak mencapai pendamaian. Berikut adalah kenyataan daripada Brahma Chellaney (2014) dalam *China's Borderline Belligerence, Project Syndicate*:

In fact, such provocations have often preceded visits to India by Chinese leaders. Indeed, it was just before President Hu Jintao's 2006 visit that China resurrected its claim to India's large northeastern state of Arunachal Pradesh. Likewise, prior to Premier Wen Jiabao's trip to India in 2010, China began issuing visas on loose sheets of paper stapled into the passports of Kashmir residents applying to enter China – an indirect challenge to India's sovereignty. Moreover, China abruptly shortened the length of its border with India by rescinding its recognition of the 1,597-kilometer (992-mile) line separating Indian Kashmir from Chinese-held Kashmir. And Premier Li Keqiang's visit last May followed a deep PLA incursion into India's Ladakh region, seemingly intended to convey China's anger over India's belated efforts to fortify its border defences. (Chellaney 2014)

Sehubungan itu, walaupun interaksi antara India-China dalam bilateral atau multilateral boleh dikatakan penting kerana interaksi ini membantu kedua-dua negara tersebut mengekalkan keamanan. Akan tetapi, isu keselamatan dan kedaulatan wilayah merupakan hal yang sangat diutamakan oleh kedua-dua negara dan tidak ada sikap bertolak ansur dalam hal tersebut. Sarjana Shalendra Sharma (2009) pernah menyatakan bahawa hubungan India-China pada masa yang akan datang akan dicirikan kerjasama pragmatik, namun ini tidak akan berubah menjadi hubungan pakatan. Kedua-duanya tetap meletakkan dirinya sebagai pesaing strategik dengan menggunakan kaedah “*soft balancing*”. Masing-masing berupaya melindungi dan meningkatkan kepentingan nasional dengan cara bekerjasama sambil mempertahankan pakatan strategi dengan negara lain.

Fokus Utama Dasar Tindak Timur Berbanding Dasar Pandang Timur

India telah mula memberi penekanan khas di Kemboja (Cambodia), Myanmar, Laos dan Vietnam (yang dipanggil sebagai negara CMLV). Ini terbukti apabila India bukan sahaja memberi bantuan kewangan dan bantuan pembangunan institusi kepada negara-negara tersebut, tetapi juga satu meja khas telah ditubuhkan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri India. Ini adalah satu langkah yang penting kepada India kerana negara-negara kurang maju mula diberi perhatian. Kini, India melalui Dasar Tindak Timur mula memberi perhatian lebih kepada negara-negara CMLV terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan latihan Bahasa Inggeris.

Selain itu, India juga membentuk langkah strategik dengan meningkatkan kerjasama keselamatan laluan darat dan laut dengan negara-negara Asia Tenggara. Timur Laut India bersempadan dengan Myanmar, China,

Bhutan, Nepal dan Bangladesh dan sebahagian besarnya adalah sempadan berbentuk daratan. Wilayah-wilayah India seperti Assam, Meghalaya, Tripura, Mizoram, Manipur, Nagaland, Arunachal Pradesh dan Sikkim bersempadan dengan negara-negara tersebut. China yang pernah menuntut wilayah Arunachal Pradesh yang terletak di timur laut India daripada India. Arunachal Pradesh adalah sebuah negeri yang berada di bahagian timur laut India yang bersempadan dengan negeri- negeri India yang lain iaitu Assam di selatan, Nagaland di tenggara, negara lain Myanmar di timur, Bhutan di sebelah barat dan Tibet (*Autonomous Region of China*) di utara. Hubungan India-China terjejas akibat tuntutan wilayah Arunachal Pradesh dan ia kekal sehingga sekarang. Manakala, Myanmar merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang berkongsi sempadan 1000 batu panjang dengan India yang berfungsi sebagai pintu masuk ke negara Asia Tenggara. Dua laluan perdagangan iaitu Manipur (India) - Tamu (Myanmar) dan Champhai & Mizoram (India) - Rhion (Myanmar) merupakan zon perdagangan yang menghubungkan India dan Myanmar. Sehubungan itu, hubungan diplomatik dengan Myanmar adalah penting kepada India untuk menjaga sempadannya dan pada masa yang sama kerjasama ini akan mengurangkan pengaruh China di kawasan tersebut (Sakhuja 2012).

Selain itu, India juga memberi keutamaan untuk membina hubungan yang lebih rapat dalam keselamatan maritim dengan negara-negara Asia Tenggara. Perkara ini menjadi salah satu agenda utama dalam Dasar Tindak Timur. Selat Melaka merupakan salah satu jalur pelayaran terpenting di dunia dan juga merupakan selat tersibuk kedua di dunia setelah Selat Hormuz. Selat Melaka membentuk jalur pelayaran terusan antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik. Selat Malaka menjadi jalur pelayaran antarabangsa antara Timur dan Barat yang penting kerana satu pertiga dari perdagangan dunia dan separuh dari pengangkutan minyak atau sumber tenaga dunia menggunakan akses melalui Selat Melaka. Selat Malaka sebagai jalur pelayaran antarabangsa yang strategik dalam SLOCs dan *Sea Lines of Transportation* (SLOT) menjadi jalan pengangkutan sumber tenaga dari negara-negara di kawasan Asia Barat mahupun Afrika (Ghosh 2004). Sehubungan itu, keseimbangan kuasa (*balance of power*) di Selat ini menjadi unsur penting dalam konteks keamanan serantau ataupun luar keserantauan. Bagi dua kuasa besar di Asia iaitu China dan India pula, pengawalan Selat Malaka menjadi salah satu kepentingan geostrategik di Asia Tenggara.

Ekonomi China bergantung kepada keamanan di Selat Malaka kerana sekitar 80% sumber tenaga dan perdagangan China adalah melalui Selat Melaka, sehingga strategi pengamanan Selat Malaka menjadi satu agenda penting dalam pertahanan China. Kehadiran China di Selat Melaka pada asalnya adalah kerana ingin menjaga keselamatan sumber tenaganya kerana menurut Fravel dan Liebman (2011) di dalam *Beyond The Moat: The Plan's Evolving Interests And Potential Influence*, Selat Melaka merupakan Selat yang membawa barangan keperluan penting negara China. Jika sesebuah negara mampu untuk mengawal Selat itu, secara tidak langsung mereka akan dapat memberi ancaman kepada keselamatan sumber tenaga China pada bila-

bila masa. Sehubungan itu, China mementingkan keamanan SLOCs dan SLOT dari Selat Hormuz, Selat Melaka, Lautan Hindi sehingga Laut China Selatan yang mana jalur ini dikatakan sebagai “*String of Pearls*”.

Perkembangan di dalam ekonomi India adalah berkait rapat dengan aktiviti import dan eksport serta ia juga berkaitan dengan perdagangan melalui jalan laut. Ini kerana barangan yang banyak dan berat selalunya akan diangkut menggunakan kapal pukal yang besar. India mempunyai kepentingan perdagangan sebanyak 40 peratus melalui Selat Melaka. Selain itu, Selat Melaka juga memainkan peranan sebagai “*sea link*” dari Lautan Hindi melalui Laut Andaman dengan Lautan Pasifik dan juga penting sebagai Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) terutamanya di kawasan Pulau Andaman dan Nicobar. Selat Melaka juga menjadi laluan laut singkat yang menghubungkan Teluk Persia dengan Asia Timur dan Amerika Syarikat sehingga laluan ini menjadi “*choke point*” penting di Lautan Hindi (Chellaney 2000).

Sehubungan itu, Selat Melaka telah menjadi persaingan antara India dengan China bagi mengekalkan dan meluaskan pengaruh kuasanya demi kepentingan ekonomi dan keselamatan maritim masing-masing. Walaupun dalam Dasar Pandang Timur keselamatan menjadi salah satu elemen kerjasama tetapi dalam Dasar Tindak Timur, kerjasama bilateral India dengan negara-negara Asia Tenggara dalam isu keselamatan maritim di Selat Melaka amat diutamakan kerana ia dilihat sebagai satu agenda penting India dalam menentukan keselamatan maritim dalam rantau Asia. Penglibatan strategik India melalui diplomasi ketenteraan ini dapat dilihat berdasarkan latihan tentera laut yang diadakan secara bilateral dengan negara-negara ASEAN yang terletak di Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Pada tahun 1985, negara-negara di Asia Selatan telah membentuk organisasi internasional serantau Asia Selatan yang dikenali *South Asian Association for Regional Cooperation* (SAARC) dimana India dan Pakistan adalah anggota dalam organisasi tersebut dan konflik antara India dan Pakistan telah dijadikan antara agenda SAARC yang mana SAARC berperanan sebagai mediator untuk menyelesaikan konflik antara India dan Pakistan. SAARC adalah gabungan organisasi negara-negara Asia Selatan yang terdiri dari 8 negara yang dibentuk pada tahun 1985. Negara-negara anggotanya adalah Afganistan, Bangladesh, Bhutan, India, Maldives, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka. Secara umum gambaran dari kawasan Asia Selatan sering diwarnai dengan konflik internal maupun konflik eksternal, dimana sejarah membuktikan seperti pemisahan Pakistan dari India, pecahnya Pakistan Timur menjadi Bangladesh, permusuhan India dengan Pakistan dan banyaknya militan-militan pendukung terorisme di negara-negara tersebut yang kerap kali mengakibatkan kehilangan nyawa penduduk dan memburukkan keadaan ekonomi dari negara-negara tersebut. Sehubungan itu, SAARC ditubuhkan untuk mewujudkan integrasi kawasan dan juga pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara Asia Selatan. Hasil daripada itu, Kawasan Perdagangan Bebas Asia Selatan atau *South Asian Free Trade Area* juga diwujudkan (Ghosh 2009).

Ketidakmampuan SAARC menjalankan peranannya dalam mempersatukan Asia Selatan kerap kali disebabkan persengketaan politik antara

antara India dan Pakistan. Persengketaan politik ini barang kali menyebabkan negara-negara anggotanya tidak dapat memanfaatkan keuntungan dari integrasi ekonomi di kawasan ini. Selama bertahun-tahun, peranan SAARC di Asia Selatan hanya sekadar wadah untuk pertemuan tahunan anggota-anggotanya. Kini, Kerajaan Modi telah menghidupkan kembali keakraban hubungan antara India dengan negara-negara Asia Selatan. “*Neighbourhood First Policy*”⁹ merupakan salah satu konsep yang diterapkan dalam Dasar Tindak Timur. Melalui konsep perluasan ini, peranan SAARC mula diberi perhatian oleh Kerajaan Modi. Kerajaan Modi mengharapkan “*Neighbourhood First Policy*” yang diperkenalkan dapat membantu menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh India dengan anggota-anggota lain SAARC dan juga dapat mendapat sokongan daripada anggotanya terutamanya dalam konflik India-Pakistan.

Tidak dapat dinafikan bahawa fokus utama polisi luar negeri India yang baru ini masih ditumpukan dalam bidang ekonomi seperti mana dilakukan dalam Dasar Pandang Timur. Tetapi kini, India ingin menjalinkan hubungan yang lebih efektif dengan negara jiran dalam pelbagai sektor terutamanya politik, keselamatan dan pertahanan serta tidak melupakan sektor ekonomi. India juga sedang membangunkan hubungan rakan strategik dengan Amerika Syarikat, Rusia, China, Jepun dan *European Union* (EU) atau Kesatuan Eropah di samping terus membangunkan hubungan tradisional dengan Afrika dan Amerika Latin serta sangat mementingkan kerjasama dengan ASEAN. Selain itu, India juga akan terus meningkatkan kerjasama dengan masyarakat antarabangsa dan mengekalkan dasar luar bebas ke arah mewujudkan keamanan dan pembangunan. Tidak dapat dinafikan kini, Narendra Modi sebagai pemimpin baru India memainkan peranan penting dalam memandu India menuju ke puncak kebangkitannya serta beliau melihat corak baharu hubungan India dengan negara-negara Asia malah hubungan kerjasama negara-negara barat terutamanya Amerika Syarikat turut dipentingkan. Dalam hal ini, India telah mengambil kira polisi Amerika Syarikat “*Pivot to Asia*” atau dikenali sebagai “*rebalancing to Asia*” yang dimulakan pada tahun 2009 dibawah pentadbiran Obama. Manakala, Amerika Syarikat sebagai kuasa besar dunia melihat India sebagai satu kuasa Asia dan kuasa sekutu yang berguna untuk Amerika Syarikat. Sehubungan itu, India mengambil kira keperluan Amerika Syarikat dalam melaksanakan polisi barunya supaya India mendapat sokongan komprehensif daripada Amerika Syarikat agar sokongan Amerika Syarikat dapat memastikan kestabilannya di rantau Asia (Campbell & Andrews 2013).

Kesimpulan

Pembentukan Dasar Tindak Timur merupakan reformasi ekonomi gelombang kedua. Walaupun dalam polisi baru ini hubungan kerjasama ASEAN masih diutamakan tetapi jaringan kerjasama tersebut diluaskan kepada Asia Timur dan juga Asia Pasifik, dan konteks kerjasama juga diluaskan dalam sektor ekonomi, politik, keselamatan dan pertahanan. Terdapat enam perbezaan yang dapat dilihat dalam dasar luar yang baru ini. Pertama, Dasar Tindak

Timur memberi keutamaan dalam membina hubungan dengan negara-negara jiran dengan membawa konsep “neighbourhood first”. Konsep ini memberi dorongan untuk meningkatkan kepentingan dan tumpuan India kepada negara-negara Asia Tenggara, Asia Timur dan juga Asia Selatan sendiri. India menunjukkan pendekatan “neighbourhood first” yang dilaksanakan dalam Dasar Tindak Timur ini dalam empat aspek.

Pertama ialah melalui kesediaan India dengan mengutamakan hubungan baiknya dalam politik dan diplomatik kepada jiran-jiran terdekat dan juga negara-negara yang berada berdekatan di Lautan Hindi. Yang kedua adalah untuk memberikan sokongan yang diperlukan seperti dalam bentuk sumber, peralatan, latihan, penukaran idea dan sebagainya. Ketiga adalah menjalinkan hubungan dan kerjasama yang membantu untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negaranya. Keempat adalah mempromosikan model pentadbiran baru India yang mengutamakan kerjasama serantau (*model of India-led regionalism*) tanpa mengagutkan keselesaan negara-negara jiran. Pendekatan ini juga menekankan India menjadi negara proaktif yang mementingkan semangat kejiranan dan bukannya dengan meluaskan pengaruh kuasanya kepada negara-negara jiran (*real proactive neighbour and not a big brother*). Lawatan rasmi Modi ke negara-negara jiran secara berterusan sejak beliau menyandang jawatan Perdana Menteri membuktikan India cuba untuk mengekalkan hubungan positif dengan negara-negara jiran. Kerjasama ini penting kepada India yang bercita-cita untuk memainkan peranan yang signifikan atau lebih besar di peringkat global dan juga untuk kerjasama ekonomi bagi jangka panjang (*greater long-term economic and strategic potential of engagement*).

Kedua, India mempunyai kepentingan strategik ke atas rantau Asia Tenggara demi kelangsungan kuasa dan pengaruhnya dari segi ekonomi, politik dan keselamatan. Tindakan strategik India yang menumpukan fokus kepada kerjasama ekonomi dengan Asia Tenggara disamping polisi ekonomi yang lebih terbuka serta penyertaan aktifnya di dalam forum multilateral di Asia Tenggara iaitu ASEAN telah membuktikan India mempunyai kepentingan strategik keatas rantau Asia Tenggara. India telah merangka kerjasama ekonomi yang lebih baik dengan ASEAN dengan meluaskan skop perdagangan dan pelaburan. Bagi India, kerjasama ekonomi dengan ASEAN merupakan satu perkara yang sentiasa akan kekal dan pada masa yang sama kerjasama ini sentiasa dikembangkan dari masa ke masa. Kemajuan mantap dan berterusan dalam kerjasama India-ASEAN-India sejak Dasar Pandang Timur dilancarkan pada tahun 1991 juga menjadi antara sebab India masih mengutamakan hubungan baik dengan ASEAN dalam Dasar Tindak Timur.

Ini kerana India telah mengambil pendekatan yang bersifat “constructive engagement” dengan ASEAN khususnya memperkukuhkan hubungan diplomatik dan mengadakan kerjasama ekonomi dengan negara-negara Asia Tenggara. India turut menjalinkan kerjasama pertahanan bilateral dengan negara ASEAN di mana ia dapat memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak yang terlibat. India telah memberi reaksi positif terhadap usaha-usaha ASEAN dengan menyokong kerjasama keselamatan dan pertahanan melalui ASEAN dan ARF. Malah India turut memberi kerjasama dalam *Confident*

Building Measure ASEAN dengan melibatkan diri dengan mengadakan lawatan dan menjalankan latihan ketenteraan secara bersama. Usaha ini telah meningkatkan persefahaman antara negara dan turut meningkatkan kepercayaan antara satu sama lain.

Ketiganya Dasar Tindak Timur lebih mementingkan “effective multilateralism” memandangkan kepentingan India yang semakin meningkat dalam arena antarabangsa. India menyokong kepentingan multilateralisme dimana dorongan ini disebabkan pertimbangan praktikalnya terhadap perubahan geo-politik. Antara sebabnya adalah dalam dunia yang dikuasai oleh negara-negara yang kuat, multilateralisme menyediakan pilihan untuk melindungi dan menonjolkan kepentingan negara. India mempercayai multilateralisme adalah satu cara untuk mengendalikan sistem antarabangsa dan juga cara untuk menyelaraskan tingkah laku beberapa negara berdasarkan satu prinsip umum. Sehubungan itu, India menyedari akan kepentingan multilateralisme lalu menyertai forum-forum multilateralisme seperti ASEAN, ARF, EAS, BIMSTEC, BRICS, G20, IORA, Indian Ocean Naval Symposium (IONS), MGC, SAARC dan sebagainya. Kini India bukan sahaja menyokong malah dilihat semakin pro-aktif dalam penyertaan forum-forum multilateralisme tersebut dimana dalam pelaksanaan Dasar Tindak Timur, India lebih mementingkan “*effective multilateralism*” memandangkan kepentingan India yang semakin meningkat dalam arena antarabangsa. Dengan ini India mempercayai dapat meningkatkan kemampuannya di peringkat global dan juga menggunakan multilateralisme sebagai satu alat diplomasi (*diplomatic tool*) bagi merapatkan jurang perbezaan serta meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain.

Keempatnya, hubungan India dan Jepun dilihat sebagai *Special Strategic and Global Partnership* dalam Dasar Tindak Timur. Hubungan India dan Jepun dilihat sebagai “Special Strategic and Global Partnership” dimana dalam pembentukan dasar baru India mengutamakan kerjasama dalam bidang ekonomi melalui Comprehensive Economic Partnership Agreement, keselamatan maritim dan juga pembangunan tenaga nuklear. Latar belakang kepada perkembangan ini menjadi sangat menarik kerana suasana geopolitik di Asia Timur yang sedang rancak dan panas pada masa ini, melibatkan pertikaian wilayah dan peningkatan tumpuan pada kekuatan ketenteraan. China kini semakin agresif dalam tindakannya menangani pertikaian wilayah dengan negara-negara di sekelilingnya dan dengan negara-negara Asia Tenggara yang menyempadani Pulau Spratly dan Laut China Selatan. Pada masa sama, pertikaian dengan Jepun juga mencapai tahap baharu apabila China semakin agresif menunjukkan kawalan dan penguasaan terhadap wilayah dipertikaikan itu, selari dengan peningkatan usahanya memajukan keupayaan ketenteraan. Kebimbangan yang sama turut dirasai oleh India yang mempunyai sempadan darat yang luas dengan China dan turut terlibat dalam pertikaian wilayah dengannya. Faktor China juga merupakan antara sebab hubungan kerjasama India dan Jepun semakin rapat.

Kelima, faktor kebangkitan China turut mempengaruhi pembentukan dan pelaksanaan Dasar Tindak Timur. India mempercayai kerjasama serantau

adalah satu cara untuk meningkatkan kestabilan dan keselamatan di rantau ini dan dengan itu mengurangkan risiko daripada ancaman daripada kuasa lain. Dalam hal ini, kebangkitan China menjadi ancaman kepadanya dimana perkara ini turut mempengaruhi pembentukan dan pelaksanaan Dasar Tindak Timur. Reformasi ekonomi China yang berlaku sejak akhir tahun 1970-an telah menjadikannya sebagai pemain utama dalam ekonomi dunia. Perubahan dalam dasar ekonomi China iaitu dari dasar ekonomi tertutup kepada ekonomi terbuka telah mendorong kebangkitan ekonomi China. Selain itu, penyertaan China dalam WTO pada tahun 2001 telah mendorong ekonomi negara China terus berkembang. Reformasi ekonomi China telah membangunkan China sebagai sebuah negara yang kuat (strong state) dengan sektor perindustriannya yang mampan.

Kebangkitan China telah mengubah geopolitik serantau dan ini telah menimbulkan rasa kurang senang dan terancam kepada India. Ini adalah kerana kemunculan kuasa baru ini akan mencabar “status quo” India di rantau ini dan juga kawasan perairannya iaitu di Lautan Hindi. Peningkatan pengaruh dan kuasa China di Lautan Hindi dapat juga dilihat melalui strategi “*String of Pearls*” seperti menjalankan pembinaan pelabuhan, pangkalan dan kemudahan pengawasan di kawasan strategik perairan antarabangsa bagi tujuan rondaan dan mempertahankan SLOCs. Selain di Lautan Hindi, China turut mula meluaskan pengaruhnya di Selat Melaka dan Laut China Selatan. Di samping itu, India yang ada sejarah pertikaian sempadan dengan China yang masih berlangsung di wilayah Arunachal Pradesh sejak konflik pada tahun 1962 juga membuatkan India terpaksa lebih bersikap waspada dan semakin meningkatkan keselamatan wilayahnya. Sehubungan itu, aspek keselamatan serantau juga telah menjadi elemen penting dalam Dasar Tindak Timur.

Keenam, India bertindak seiring dengan Amerika Syarikat sebagai “*strategic partnership*” dengan menyokong polisi “Pivot to Asia”. Seiring dengan hal ini, Amerika Syarikat juga mempunyai kebimbangan yang sama terhadap kebangkitan China sebagai kuasa baru yang akan menjadi pesaing kepada Amerika Syarikat yang kini merupakan kuasa tunggal hegemoni. Kebimbangan tersebut menyebabkan Amerika Syarikat merangka strategi “Rebalancing Asia” melalui pembentukan polisi “Pivot to Asia” sebagai respon terhadap kebangkitan China. Dalam hal ini, Amerika Syarikat melihat kemunculan India sebagai satu lagi kuasa baru di Asia seiring dan tindakan strategik yang diambilnya untuk mengatasi ancaman kuasa China telah dilihat sebagai (counter balancer) terhadap kebangkitan China. Bagi India, polisi “Pivot to Asia” ini merupakan satu keperluan untuk mewujudkan satu kerjasama keselamatan secara strategik dengan Amerika Syarikat demi memastikan kedaulatan wilayahnya yang selamat daripada sebarang ancaman terutamanya daripada China. Sehubungan itu, hubungannya dengan Amerika Syarikat telah memberikan peluang bagi India untuk menjalinkan kerjasama keselamatan dan pertahanan yang lebih luas dengan negara terkuat di dunia tersebut. Amerika Syarikat dan India membentuk “*Defense Policy Group*” yang menjadi elemen penting dalam kerjasama keselamatan bilateralnya. Keadaan ini telah mendorong kedua-dua negara menjalinkan ekonomi, strategik dan

diplomatik yang tak pernah terjadi sebelum ini.

Ketujuh, strategi polisi luar negeri India masih tetap konsisten dan bersifat “strategic autonomy” yakni mempertahankan kerjasama bilateral baik dengan China. Keadaan ini dicerminkan dimana India tidak mahu mencetuskan provokasi bahawa pembentukan dasar barunya adalah sebagai satu langkah untuk membendung kuasa China. Pada masa yang sama, India juga berhati-hati dengan segala tindakannya dalam mengatasi ancaman daripada China supaya tidak ingin mewujudkan satu situasi yang kurang selesa dengan China dalam membentuk hubungan diplomatik dengan China. Bagi India masih perlu bekerjasama dan berdagang dengan China yang kelihatan akan terus bangkit dari segi ekonomi, politik dan ketenteraan serta kerjasama ini penting demi pembangunan ekonomi India. Dalam hal ini India memberi tumpuannya dengan memaksimumkan peluang yang sedia ada iaitu melihat China sebagai pasaran besar, sumber pelaburan dan juga sebagai penyumbang kepada keperluan infrastruktur.

Nota Akhir

1. Lihat Raja Mohan, C. 2012.
2. Lihat Suba Chandran, D. 2014.
3. Lihat Meredith, R. 2008.
4. Lihat Ram A.N. 2012.
5. Lihat Narasimhan, S. 2005.
6. Lihat Chandra, S. 2014.
7. Lihat Balachandran, M. 2017.
8. Lihat Dellios, R. 2005.
9. Dasar *Neighbourhood First Policy* ialah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh India di bawah Kerajaan Narendra Modi. Inisiatif ini memberi tumpuan dalam menjalinkan hubungan diplomatik dan kerjasama yang baik dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, keselamatan dan sebagainya antara India dengan negara-negara jirannya serta kuasa-kuasa utama di Asia. Inisiatif ini diperkenalkan dalam polisi baru India iaitu *Act East Policy*. India mempercayai inisiatif ini dapat mempromosi dan membangunkan jalinan kerjasamanya dengan negara-negara jiran bagi mewujudnya satu persekitaran yang stabil, selamat dan aman.

Rujukan

- Asia Regional Integration Center. 2006. <http://aric.adb.org/integrationindicators> [16 March 2016].
- Balachandran, M., “Narendra Modi explains how he runs India’s foreign policy” Quartz India, <https://qz.com/717459/narendra-modi-explains-how-he-runs-indias-foreign-policy/> [11 Februari 2017]

- Baruah, A., 2000. "Looking East". *Frontline*, 17 (24), 49-50.
- Bhatia, R., 2016. *India–Burma Relations: Changing Contours*. New Delhi: Routledge.
- Brief on BIMSTEC., http://www.mea.gov.in/Portal/ForeignRelation/BIMSTEC_Brief_February_2014.pdf [22 Februari 2016].
- Campbell, K & Andrews, B., 2013. "Explaining US Pivot to Asia", https://www.chathamhouse.org/sites/files/chathamhouse/public/Research/Americas/0813pp_pivottoasia.pdf [4 Mei 2016].
- Chandra, S., 2014. "The Style and Substance of Modi's Foreign Policy", *Indian Foreign Affairs Journal*. Vol. 9(3), 213-218.
- Chellaney. B., 2014. "China's Borderline Belligerence, Project Syndicate", <http://www.project-syndicate.org/commentary/brahma-chellaney-criticizes-india-for-allowing-china-to-dominatethe-bilateral-relations-hip#TjhGsPECUJE7fc0S.99> [16 Februari 2016].
- Dellios. R., 2005. *China: The 21st Century Superpower?* Lecture, Casa Asia, Barcelona, 13 September 2005, 1-14. <https://www.casaasia.es/pdf/9200595422AM1127202862621.pdf> [27 April 2016].
- Fravel, M.T., & Liebman, A., 2011. "Beyond the Moat: The PLAN's Evolving Interests and Potential Influence". Dlm Saunders, P.C., Yung, C.D., Swaine, M. & Yang, A.N. (pnyt). *The Chinese Navy: Expanding Capabilities, Evolving Roles*, 41-80. Washington D.C: National Defense University Press.
- Ghosh, P.S., 2009., "SAARC: Institutionalization and Regional Political Processes", New Delhi.
- Hoakip, T., 2011. "India's Look East Policy: Its Evolution and Approach", *India Quarterly*, 18 (2), 239-257.
- Kojima, M., 2014. "The Evolution of Japan-India Economic Relations", Dlm S. Goto (pynt.), *The Rebalance within Asia: The Evolution of Japan-India Relations*, Washington DC: Wilson Center, 5-16.
- Levesque, J., 2007. "Mekong-Ganga Cooperation Initiative: India's Underused Soft Power Tool. Institute of Peace and Conflict Studies", <http://www.ipcs.org/article/southeast-asia/mekong-ganga-cooperation-initiative-indias-underused-soft-power-tool-2440.html> [3 Mac 2016].
- Limaye, S., 2014. "India-East Asia Relations", *A Quarterly E-Journal on East Asian Bilateral Relations*, 1-21.
- Limaye, S., 2015. "India-East Asia Relations: Acting East under Prime Minister Modi?", *A Triannual E-Journal on East Asian Bilateral Relations*, 1-14.
- Limaye, S., 2016. *India-East Asia Relations: A Full Year of Acting East. Comparative Connections*. A Triannual E-Journal on East Asian Bilateral Relations 17(3):153-166. https://csis-prod.s3.amazonaws.com/s3fs-public/legacy_files/files/publication/1503qindia_easia.pdf [20 Desember 2017].

- Mahapatra, C., 2014. "Modi's Foreign Policy: Difficult to Theorize, Easy to Understand", *Indian Foreign Affairs Journal*, 9(3), 234-239.
- Meredith, R., 2008. *The Elephant and the Dragon: The Rise of India and China and What It Means for All of Us*. New York: W.W. Norton & Company.
- Morarji, B., 2012. "India-ASEAN Relations: Problems and Prospect", *Asia Pacific Journal of Social Science*, 4(1), 21-36.
- Narasimhan, S., 2005. *India's Look East Policy: Past, Present and Future*. New Delhi: New Century.
- Raja Mohan C. 2012. "India's Foreign Policy Transformation", *Asia Policy*, 14:107-117. http://nbr.org/publications/asia_policy/AP14/AP14_F_India1980_BRRT.pdf [1 March 2016]
- Raja Mohan, C., 2014. "Not so easy to Act East" *The Indian Express*. 22 November 2014 <http://indianexpress.com/article/opinion/columns/not-so-easy-to-act-east/> [22 November 2016]
- Rajendram, D., 2014. "India's New Asia-Pacific Strategy: Modi Acts East", *Lowy Institute for International Policy*, 1-15.
- Ram, A.N., 2012. *Two Decades of India's Look East Policy*. New Delhi: Manohar Publisher.
- Sakhuja, V., 2012. "India and Myanmar: Choices for Military Cooperation", *Issue Brief, Indian Council of World Affairs*: 1-10. <http://www.icwa.in/pdfs/IBindiamyanmar.pdf> [1 November 2016]
- Satarupa, B. & Ross, C., 2016. "The Remaking of Narendra Modi", <http://graphics.thomsonreuters.com/13/07/INDIA-MODI.pdf> [31 Mei 2016].
- Sharma, S.D., 2009., *China and India in the Age of Globalization*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Sikdar, C. & Nag, B., 2011. "Impact of India-ASEAN Free Trade Agreement: A Cross-Country Analysis Using Applied General Equilibrium Modeling", *Asia-Pacific Research and Training Network on Trade Working Paper Series 107*, 1-125.
- Singh, S., 2007. "Mekong-Ganga Cooperation Initiative Analysis and Assessment of India's Engagement with Greater Mekong Sub-Region", *The Research Institute on Contemporary Southeast Asia* 2, 1-13.
- Sreekumar, S.S., 2004. "India and ASEAN: Geopolitical Concerns". *World Affairs* 8 (1), 1-15.
- Suba Chandran, D., 2014. *The New Government and India's Foreign Policy: Old Issues, Firmer Resolve*. *Indian Foreign Affairs Journal*. 9(3): 226-233.
- Sundaram, A., 2013. "Look East Policy". *International Journal of Advancements in Research & Technology*, 2(5), 1-20.
- The Hindu. 2014. "Look East' policy now turned into 'Act East' policy: Modi".

12 November 2014. <http://www.thehindu.com/news/national/look-east-policy-now-turned-into-act-east-policy-modi/article6595186.ece> [21 November 2016]

Biographical Note

Dr. Ravichandran Moorthy (drravi@ukm.edu.my) is Associate Professor and Head of International Relations Cluster in the History, Politics and Security Research Centre, University Kebangsaan Malaysia. He specializes in Asia Pacific geopolitics.

Kavaramma Subramaniam (kavaramma@gmail.com) is an officer in the Diplomatic and Administrative Service cadre. He hold a Master degree in Strategic Studies from UKM, specializing in Indian foreign policy.